

Pekerja diingat jangan tertipu sikap pemimpin kesatuan negara maju

PKUALA LUMPUR 30 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pekerja di seluruh negara supaya jangan tertipu dengan kepura-puraan serta simpati yang cuba ditunjukkan oleh pemimpin kesatuan sekerja negara maju.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya, mereka (pemimpin kesatuan negara maju) berniat untuk menghentikan sama se-

kali saingan daripada pekerja Malaysia supaya mereka dapat terus 'hidup' mewah.

Serentak dengan itu, beliau mahukan pekerja dan majikan di seluruh negara supaya percaya pada diri sendiri, saling hormat menghormati serta berganding bahu dalam memajukan negara ini.

Beliau menyatakan demikian dalam perutusannya stmpena Hari Pekerja esok.

Katanya lagi, pemimpin kesatuan sekerja di negara maju sering mengungkit hak pekerja di negara membangun tetapi sebenarnya mereka takut pendapatan mereka mungkin tidak meningkat kerana saingan daripada barangan hasil pekerja negara membangun.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin ini sedar, jika pekerja negara membangun mogok dan menuntut upah yang tinggi, ini bermakna keupayaan barangan negara maju untuk bersaing dengan barangan negara membangun adalah lebih baik.

Dr. Mahathir menjelaskan, dengan majunya pemasaran barangan negara maju, dapatlah pekerja mereka membuat hmtutan gaji yang lebih lumayan.

Sebaliknya, pckeja di negara membangun akan menganggur kerana perbuatan mereka sendiri.

Kata Dr. Mahathir, hakikat membuktikan bahawa majikan dan pekerja adalah saling bergantung untuk maju.

Beliau berkata, dalam masyarakat, adanya pekerja adalah kerana adanya majikan dan adanya majikan ialah kerana adanya pekerja...yang satu tidak mungkin ada tanpa yang satu lagi kerana kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain.

Katanya, hakikat ini tidak boleh diipakan oleh semua pihak.

"Kita harus ingat, jatuhnya sistem kapitalisme ialah kerana majikan tidak mempedulikan nasib pekerja tetapi apabila dalam sistem sosialisme pekerja tidak mempedulikan kepentingan majikan, sistem sosialisme juga runtuh dan akhirnya pekerja yang menjadi mangsa," kata Perdana Menteri.

Oleh itu, beliau berkata, kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara perlu mengawasi supaya kepentingan pekerja dan majikan diimbangi.